

Projek RM-8 disusun semula: PM

18/05/04 RH MJD

Oleh Azman Zakaria

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mengkaji semua projek yang dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) dan menyusunnya semula mengikut keutamaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, perkara itu perlu dilakukan kerana pengurusan kewangan negara dilakukan secara berhemah.

"Kewangan mesti diurus secara berdisiplin dan dengan itu kawalan terhadap perbelanjaan adalah perlu tetapi saya juga tahu ada Kementerian yang memerlukan wang tambahan kerana banyak projek yang perlu dilaksanakan ekoran peruntukan yang mungkin tidak mencukupi," katanya pada sidang media selepas menyaksi-

kan majlis menandatangani memorandum perjanjian antara DRB-HICOM Defence Technologies Sdn Bhd dan Agusta Westland, semalam.

Katanya, jemaah menteri memberi maklum balas dan membuat keputusan sewajarnya berhubung syor yang akan dikemukakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed, berkaitan perkara itu.

"Biar Mustapa memberi pandangan dan syor dulu kepada Kabinet mengenai perkara itu," katanya mengulas kenyataan Mustapa kelmarin dalam rancangan *Bersama Menteri* di RTM, bahawa ada Kementerian memerlukan peruntukan tambahan untuk melaksanakan projek di bawah RM-8.

Abdullah berkata, Mustapa memberitahu mesyuarat Kabinet bahawa perbincangan diadakan berkaitan peruntukan yang masih ada dan cara pengagihannya.



ABDULLAH menyaksikan Pengerusi DRB-Hicom, Tan Sri Dr Mohd Saleh Sulong (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Pengerusi Agusta Westland, Amedeo Caporaletti di Putrajaya, semalam. – Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar

Mengenai pelaksanaan Skim Indeks Pencapaian Utama (KPI) bagi semua syarikat berkaitan kerajaan (GLC), beliau berkata, satu pendekatan dan ciri-cirinya akan dilaksanakan bagi membuat pengukuran skim indeks itu.

Perdana Menteri menyerahkan perkara itu kepada Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

untuk menghalusinya.

Katanya, setakat ini beliau tidak mengetahui secara menyeluruh cadangan itu.

Kerajaan pada 14 Mac lalu, mengumumkan perubahan di Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) yang turut merangkumi pemindahan saham GLC yang disenaraikan di Bursa Ma-

aysia bernilai berbilion ringgit yang dipegang Kementerian Kewangan Diperbadankan (MoF Inc) kepada Khazanah.

Kerajaan juga membayangkan perubahan peringkat eksekutif dan lembaga pengarah GLC akan menyusul berikutan penstrukturan semula Khazanah itu.